

MENEROKA KESEJAHTERAAN SOSIAL KAREN DAN ROHINGYA DI SEKOLAH PELARIAN MYANMAR DI CHOW KIT

Divaghar Voothayakumar & Khadijah Alavi

Pusat Pengajian Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat (PsiTra)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM, Bangi

Penulis Koresponden : Khadijah Alavi
khadijah@ukm.edu.my

Abstrak : Pelarian Karen dan Rohingya merupakan satu fenomena yang amat mengerikan dalam sejarah hidup manusia moden yang serba canggih. Kebencian dan kebengisan kerajaan Myanmar dalam pembunuhan beramai-ramai, penafian kerakyatan, mendera dan merampas segala harta benda masyarakat Karen dan Rohingya. Salah satu destinasi perlindungan yang menjadi tumpuan beratus ribu pelarian tersebut ialah Malaysia. Tujuan utama artikel ini adalah meneroka kesejahteraan sosial dalam kalangan masyarakat Karen dan Rohingya di Malaysia. Kajian lepas amat kurang mengkaji isu kesejahteraan sosial pelarian Karen dan Rohingya terutama adaptasi persekitaran, pendidikan dan keperluan asas. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif berpandukan kajian kes. Teknik pengumpulan data kajian melalui temubual berstruktur secara bertulis. 10 orang informan telah dipilih bagi kajian ini dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Lokasi kajian yang dipilih ialah di Sekolah Pelarian Myanmar Chow Kit, Kuala Lumpur. Data temubual berstruktur dianalisis secara tematik dan hasil kajian mendapati terdapat tiga cabaran utama iaitu pertama keperluan asas masyarakat Karen dan Rohingya kurang kebersihan misalnya tidak memakai baju, tidak mengosok gigi, tidak mencuci tangan sebelum makan dan sebagainya. Kedua, daripada aspek pendidikan tidak boleh membaca dan menulis. Ketiga, komuniti Karen dan Rohingya tidak disediakan untuk menjalani kehidupan harian biasa atau persediaan pemulangan ke negara asal mereka. Implikasi kajian ini mencadangkan program intervensi dan outreach untuk menghadapi masa depan kehidupan Karen dan Rohingya lebih terjamin melalui pendidikan keusahawanan dan pendidikan asas kebersihan diri dan persekitaran.

Kata Kunci: Pelarian Karen dan Rohingya, kesejahteraan sosial, keperluan asas, pendidikan

Abstract: Karen and Rohingya refugees are a horrific phenomenon in the history of modern human life that is a sophisticated time-consuming media technology. The hatred and frustration of the Myanmar government in massacres, denial of citizenship, torture and seize all the property of Karen and Rohingya society. So the focus of finding refuge in the hundreds of thousands of Malaysians is Malaysia. The main purpose of this study is to explore social prosperity among the Karen and Rohingya communities in Malaysia. Past studies have underestimated the issue of social well-being of Karen and Rohingya, especially the adaptation of the environment, education and basic needs. This study was conducted using a qualitative approach based on case study. Techniques of collecting research data through structured interviews in writing. 10 informants were chosen for this study using purposive sampling technique. The location of the study was selected at the Chow Kit Myanmar Refugee School, Kuala Lumpur. Structured interview data was analyzed thematic and the findings found that there were three major challenges, namely the first basic needs of the Karen and Rohingya communities, lack of cleanliness such as wearing no clothes, not brushing teeth, not washing hands before eating, etc. Secondly, from education aspect cannot read and write. Third, the Karen and Rohingya communities are not provided for the normal daily life or return supplies to their home country. The implication of this study suggests intervention and outreach programs for the future of Karen and Rohingya's life are more secured through entrepreneurship education and basic education of personal hygiene and environment.

Keywords : Karen dan Rohingya refugee, social wellbeing, basic necessities, education

Cite as: Voothayakumar, D. & Alavi, K. (2019). Meneroka kesejahteraan sosial Karen dan Rohingya di Sekolah Pelarian Myanmar di Chow Kit. *Asian People Journal (APJ)*, 2(1),1-11

Received: 17 April 2019 **Accepted:** 10 June 2019

Pengenalan

Pelarian manusia adalah satu fenomena yang sentiasa berlaku apatah lagi jika wujud krisis dalam negara tertentu. Konvensyen Geneva 1951 mendefinisikan seseorang pelarian ialah seorang yang berada di luar negara asalnya, mempunyai perasaan seram yang berasas atas sebab-sebab bangsa, agama, kewarganegaraan, pandangan politik atau keahlian dalam sesuatu kumpulan sosial dan disebabkan perasaan takut tersebut, mereka tidak dapat atau tidak sanggup mendapatkan perlindungan negara (Norazira, 2014). Sejak 2013, antogonisme kebengisan dan pertempuran di negara Myanmar menjadi salah satu punca bagi pelarian Rohingya dan Karen untuk memilih negara Malaysia sebagai hub mereka untuk berlindung (Monosin, 2013).

Antara isu yang sering dihadapi oleh pelarian ialah tahap penyediaan perkhidmatan seperti perubatan, pendidikan, tempat tinggal, makanan dan keselamatan yang kurang baik di kem pertahanan dan sekolah perlindungan. Akibat daripada kerajaan Malaysia yang tidak menjadi penandatanganan kepada Konvensyen Pelarian 1951, status pelarian dan pencari suaka masih tidak diiktiraf di Malaysia. Kanak-kanak pelarian dan pencari suaka tidak boleh memasuki sekolah-sekolah awam di Malaysia sementara kos belajar di sekolah swasta terlalu banyak untuk mereka tanggung.

Justeru itu, Malaysia tidak mempunyai dasar yang khusus berkenaan orang pelarian. Walaupun Malaysia tidak mengiktiraf golongan pelarian, namun melalui beberapa agensi kerajaan yang prihatin, nasib golongan ini tetap diberi perhatian. Hak-hak dan nasib golongan ini kebanyakan digalas oleh pertubuhan bukan kerajaan atau NGO yang terdiri daripada komuniti Rohingya dan Karen itu sendiri. Sebagaimana yang dibincangkan, artikel ini memfokuskan kepada isu kemanusiaan pelarian Rohingya dan Karen di Malaysia dengan melihat kepada pandangan penyediaan perkhidmatan kepada golongan pelarian Rohingya dan Karen dengan memfokuskan kajian kes di Sekolah Pelarian Myanmar Chow Kit.

Tinjauan Literatur

Masalah utama yang sering dihadapi oleh pelarian ialah keperluan asas dalam mencapai kesejahteraan hidup masyarakat Rohingya dan Karen di Malaysia. Definisi keperluan asas adalah seperti makanan, pemakaian dan perumahan yang diperlukan untuk menjamin kesihatan fizikal dan mental (Dover & Joseph, 2008). Ini termasuk pemakanan, tempat tinggal, kesihatan, pemakaian, kerja, pendidikan dan hubungan manusia. Walau bagaimanapun, pelarian Rohingya dan Karen di sekolah pelarian Myanmar Chow Kit tidak mempunyai kelengkapan yang cukup terutama daripada aspek keperluan asas seperti pakaian, makanan dan tempat tidur yang kondusif.

Maslow (1954) menyatakan manusia bermotivasi untuk mencapai keperluan tertentu dalam hidup apabila dapat menikmati keperluan asas. Keperluan yang paling asas adalah untuk hidup secara fizikal, dan ini akan menjadi perkara pertama yang mendorong kelakuan manusia. Apabila tahap itu dipenuhi tahap seterusnya adalah apa yang mendorong manusia dan sebagainya. Menurut Mohamad (2014), pelarian rohingya dan karen yang mempunyai keluarga terpaksa berkongsi dua atau tiga keluarga dalam sebuah rumah kecil. Situasi ini juga merupakan masalah bagi menangani isu kesejahteraan kehidupan harian mereka. Dalam kajian ini pelarian Rohingnya dan Karen yang berada di sekolah pelarian Myanmar tidak mencapai tahap keperluan asas selaras dengan hak asasi manusia. Keperluan asas sangat penting bagi seseorang manusia bagi mencapai kesejahteraan hidup. Penyediaan perkhidmatan dapat diwujudkan dalam bentuk undang-undang, program dan perkhidmatan untuk menjamin dan memperkuat pelbagai jenis penyediaan bagi memenuhi keperluan asas (Maizer, 2011). Antara perkhidmatan yang diperlukan oleh pelarian ialah pelarasan sosial, tafsiran dan terjemahan, penjagaan harian untuk kanak-kanak, kewarganegaraan dan penaturalisasian (Naser, 2012). Pendidikan merupakan suatu keperluan yang seharusnya

dipenuhi oleh setiap insan. Begitu juga dengan pelarian Rohingya, mereka juga berpendapat bahawa pendidikan amat penting bagi anak-anak mereka supaya menjadi orang yang berguna di masa hadapan.

Di Malaysia, kanak-kanak pelarian Rohingya tidak dibenarkan bersekolah di sekolah bantuan kerajaan (NorAzira 2014). Hal ini disebabkan Malaysia tidak mempunyai akta atau polisi untuk membantu mangsa pelarian. Sebaliknya pelarian ini juga tidak mempunyai dokumen yang menyokong status mereka sebagai pelarian. Kanak-kanak di sekolah Pelarian Myanmar tidak mendapat akses kepada pendidikan. Kanak-kanak tersebut tidak tahu untuk bergaul dan berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu. Kehidupan mereka menjadi rumit dengan masalah komunikasi yang sedia ada. Penyediaan perkhidmatan seperti pendidikan dan terjemahan sangat penting dalam kehidupan seharian mereka.

Kesejahteraan sosial adalah sistem yang terorganisasi dalam institusi dan pelayanan sosial yang dirancang untuk membantu individu atau kelompok untuk mencapai standard hidup dan kesihatan yang lebih baik (Walter, 1975). Pekerja sosial memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kesejahteraan sosial pelarian Rohingya dan Karen di Sekolah Pelarian Myanmar. Namun begitu, tiada badan kerja sosial spesifik di Malaysia yang boleh dijadikan sebagai garis panduan oleh pekerja sosial sendiri untuk membantu mempertingkatkan kualiti hidup pelarian ini. Intervensi dan program yang dilakukan oleh pekerja sosial di Sekolah Pelarian Myanmar juga kurang berkesan. Sokongan kesejahteraan sosial yang diberikan oleh pekerja sosial kurang kompeten dan malah tekanan mental dalam kalangan pelarian di sekolah tersebut juga meningkat kerana intervensi yang diberikan kepada kanak-kanak pelarian tidak profesional sehingga kesejahteraan sosial dalam kalangan kanak-kanak pelarian dan keluarga mereka tidak tercapai.

Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka kesejahteraan sosial pelarian Rohingya dan Karen di Sekolah Pelarian Myanmar, Chow Kit Kuala Lumpur.

Metodologi

Kajian ini berbentuk kualitatif iaitu berpandukan kajian kes yang dapat membentuk gambaran holistik, analisis perkataan dan melaporkan hasil temubual dengan lebih terperinci. Kajian ini dijalankan di Sekolah Pelarian Myanmar yang terletak di Chow Kit. Pengkaji menemubual informan secara berstruktur dan bertulis kerana isu limitasi komunikasi lisan. Oleh itu kaedah temubual berstruktur secara bertulis lebih sesuai dalam konteks kajian melibatkan pelarian Karen dan Rohingnya mempunyai masalah berkomunikasi dalam Bahasa Melayu. Pengkaji juga menggunakan tenaga jurubahasa untuk menterjemah bahasa Burmese kepada bahasa Melayu.

Persampelan adalah berkaitan dengan proses memilih sebilangan subjek daripada satu populasi untuk dijadikan sebagai informan kajian (Chua, 2006). Kajian tentang penyediaan perkhidmatan kepada pelarian Rohingnya dan Karen ini melibatkan tujuh orang informan yang mengikuti pengajian di Sekolah Pelarian Myanmar. Data telah dianalisis secara tematik dan hasil temubual bertulis informan membantu pengkaji meneroka isu atau masalah yang dihadapi oleh mereka ketika bermastautin. Analisis data mendapati pelarian Karen dan Rohingnya mengalami lima isu penyediaan perkhidmatan iaitu kesukaran mendapat pekerjaan, akses kepada perubatan atau pemeriksaan kesihatan, pendidikan, dan prasarana dan penyesuaian di Sekolah Pelarian Myanmar yang akan dibincangkan dalam bahagian seterusnya.

Dapatan dan Perbincangan

Secara ringkasnya, ciri-ciri sosio demografi atau latar belakang responden keseluruhannya dapat ditunjukkan dalam Jadual 1. Isu-isu yang dihadapi oleh pelarian Karen dan Rohingnya di Sekolah Pelarian Myanmar dalam kajian ini ialah penyediaan perkhidmatan iaitu kesukaran mendapat pekerjaan, akses kepada perubatan atau pemeriksaan kesihatan, pendidikan, dan prasarana dan penyesuaian.

Jadual 1: Latar Belakang Demografi Responden Pelarian Rohingnya dan Karen

Responden	Jantina L/P	Umur	Bangsa/Agama	Status Perkahwinan
P1	L	53	Rohingnya/Islam	Berkahwin
P2	P	43	Rohingnya/Islam	Berkahwin
P3	L	40	Karen/Buddha	Berkahwin
P4	L	41	Rohingnya/Islam	Berkahwin
P5	P	32	Rohingnya/Islam	Berkahwin
P6	P	36	Karen/Buddha	Berkahwin
P7	L	33	Karen/Buddha	Bujang

Berdasarkan Jadual 1 setiap individu yang dijadikan sebagai responden dalam kajian ini adalah berumur dalam lingkungan 30 tahun dan ke atas. Responden P1 adalah responden yang paling tua iaitu berumur 53 tahun. Terdapat beberapa perbezaan antara responden iaitu dari segi jantina, bangsa atau agama, status perkahwinan, taraf pendidikan dan pekerjaan. Dari segi jantina, menunjukkan perbezaan ketara dalam kajian ini di mana terdapat empat responden adalah lelaki iaitu responden P1, P3, P4 dan P7. Responden yang lain iaitu responden P2, P5, P6, P8, P9 dan P10 adalah perempuan. Dari segi bangsa pula, bangsa Karen merupakan enam responden sahaja iaitu P3, P6, P7, P8, P9 dan P10 dan selainnya adalah berbangsa Rohingnya. Dari segi anutan agama, responden beragama Islam ialah seramai 4 orang dan enam orang responden sahaja beragama Buddha. Dalam kajian ini tidak ada responden yang dikatakan sebagai ibu atau bapa tunggal. Pekerjaan responden dari P1 hingga P7 ialah tidak bekerja.

1. Kesukaran Mendapat Pekerjaan

Pekerjaan amat penting dalam kehidupan seharian manusia. Hal ini adalah untuk menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup yang lebih baik. Peluang pekerjaan kepada pelarian sangat penting untuk mengubah taraf hidup mereka. Jika seseorang pelarian itu mempunyai kerja maka dia boleh menyara diri serta keluarganya. Mempunyai pekerjaan juga membolehkan mereka tidak bergantung kepada bantuan orang lain. Melalui hasil temubual, pengkaji mendapati majoriti informan mengalami kesukaran mendapatkan pekerjaan. Kebanyakan daripada majikan sukar untuk menerima pekerja yang mempunyai status pelarian dan masalah berkomunikasi.

Menurut responden 3, kesukaran mendapat pekerjaan adalah pada peringkat awal ketika ingin meminta pekerjaan. Tiap majikan menginginkan pekerja yang ingin diserap masuk dalam syarikat mempunyai kualiti kerja yang tinggi. Tambahan lagi, pekerja pelarian perlu menunjukkan kriteria-kriteria diri yang positif kerana itu yang ingin dilihat oleh majikan dalam pelbagai industri.

“Sebelum ini saya bekerja di sebuah restoran..kerja saya adalah mencuci pinggan..saya dibayar RM10 sehari..walaupun duit itu tidak mampu mengubah taraf hidup saya dan keluarga saya..tetapi

ia sedikit sebanyak dapat menolong kami..selepas pengurus kedai tahu status saya sebagai seorang pelarian..saya dihalau dari restoran tersebut...sekarang saya tidak mempunyai kerja..."

(responden 3)

Menurut responden 1, faktor terbesar kesukaran pelarian Rohingya dan Karen mendapatkan pekerjaan adalah kerana persepsi majikan pada awalan proses pertama untuk bekerja. Majikan perlu mengubah persepsinya dan tidak membuat spekulasi awal yang tidak berasas. Tidak semua golongan pelarian mempunyai nilai kualiti kerja yang rendah dan mereka mampu untuk meningkatkan produktiviti kerja sekiranya di beri peluang untuk memperbaiki kekurangan ketika proses bekerja seperti dinyatakan responden 1:

"Saya sedar bahawa mempunyai satu pekerjaan dapat menyara keluarga saya...tiada ada sesiapa yang ingin memberikan pekerjaan kepada saya..saya sering mencuba untuk mendapatkana apa-apa kerja di restoran berhampiran dengan kawasan kediaman ini tetapi gagal..majikan tidak mahu memberi saya pekerjaan dengan kelihatan rupa saya..."

Menurut informan 5, kesukaran mendapatkan pekerjaan adalah kerana masalah komunikasi dalam bahasa Melayu bersama pengurus majikan dan rakan-rakan sekerja. Masalah komunikasi menjadi salah satu sebab majikan enggan memberi peluang pekerjaan kepada pelarian.

"Saya juga tidak mampu untuk berkomunikasi dalam Bahasa Melayu...keberangskalian hasrat saya untuk mendapatkan kerja ditolak disebabkan masalah komunikasi yang saya sedang hadapi..agak susah untuk mendapatkan kerja sebab saya hanya tahu bahasa Burmese sahaja..."

Daripada kenyataan tersebut pengkaji dapat melihat bahawa perkhidmatan peluang pekerjaan yang dihasilkan oleh sekolah pelarian Myanmar adalah gagal.

2. Pendidikan

Pelarian memerlukan laluan praktikal dan cepat untuk disatukan ke dalam masyarakat baru. Ini bermula dengan pendidikan berkualiti. Pendidikan bukan sahaja hak asas ia adalah salah satu aset yang paling berharga yang boleh dimiliki pelarian. Kanak-kanak dan remaja pelarian yang disatukan ke dalam sistem sekolah kebangsaan akan membina persahabatan yang berterusan dengan anak-anak tempatan serta mempelajari bahasa, dan mengembangkan kemahiran penting yang mereka perlukan untuk mempertahankan diri dan keluarga mereka. Di Malaysia, kanak-kanak pelarian Rohingya dan Karen tidak dibenarkan bersekolah di sekolah bantuan kerajaan (NorAzira, 2014). Hal ini disebabkan Malaysia tidak mempunyai akta atau polisi untuk membantu pelarian di Malaysia. Oleh itu pelarian ini tidak mempunyai dokumen yang menyokong status mereka sebagai pelarian. Kanak-kanak di sekolah Pelarian Myanmar tidak mendapat akses kepada pendidikan. Kanak-kanak tersebut tidak tahu untuk bergaul dan berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu. Kehidupan mereka menjadi rumit dengan masalah komunikasi yang sedia ada. Penyediaan perkhidmatan seperti pendidikan dan terjemahan sangat penting dalam kehidupan seharian mereka.

Melalui hasil tembual bersama responden terhadap penyediaan perkhidmatan dalam bentuk pendidikan kesemua responden berasa gembira dan puas hati terhadap perkhidmatan

yang disediakan di sekolah Pelarian Myanmar. Menurut responden 1 dia berasa sangat gembira dengan kelas bahasa yang disediakan di sekolah pelarian Myanmar :

“Saya berasa sungguh gembira dengan kelas bahasa yang diadakan di sini...pekerja sosial sangat membantu kami dalam proses belajar berkomunikasi..anak-anak saya juga sudah boleh berbahasa Melayu..saya berharap kelas bahasa ini akan diteruskan...”

(Responden 1, Pelarian Myanmar)

Responden P2 berasa puas hati dengan perkhidmatan pendidikan yang diterima oleh kanak-kanak pelarian Karen dan Rohingya secara percuma di sekolah Pelarian Myanmar :

“Setiap hari rabu kanak-kanak di sini akan disambut oleh pelajar universiti dari insititusi pengajian tinggi..mereka akan mengadakan aktiviti-aktiviti yang menarik dengan kanak-kanak di sini... kami dapat melihat betapa gembiranya kanak-kanak tersebut selepas menerima sambutan daripada pelajar-pelajar universiti.”

(Responden 2, Pelarian Myanmar)

Daripada perbualan ini pengkaji dapat menilai bahawa pendidikan memberikan semangat dan dorongan kepada rakyat pelarian Rohingya dan Karen untuk meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam mengubah nasib seseorang itu.

3. Perubatan dan Pemeriksaan Kesihatan

Hasil temu bual mendapati bahawa majoriti responden mempunyai masalah dalam akses kepada perubatan dan pemeriksaan kesihatan. Pemeriksaan kesihatan atau perubatan yang kerap boleh membantu mencari isu kesihatan yang berpotensi sebelum ia menjadi masalah. Apabila seseorang pelarian berjumpa dengan pegawai perubatan secara teratur, mereka dapat mengesan keadaan kesihatan atau penyakit awal. Pengesanan awal memberi pelarian tersebut peluang terbaik untuk mendapatkan rawatan yang betul dengan cepat, mengelakkan sebarang komplikasi.

Namun begitu, menurut responden P6 kos perubatan dan pemeriksaan kesihatan yang sangat mahal menjadi beban kepada pelarian Rohingya dan Karen. Perkhidmatan perubatan yang paling asas sahaja disediakan di Sekolah Pelarian Myanmar. Bagi masalah kesihatan yang kronik pelarian perlu mengambil perubatan daripada hospital kerajaan atau klinik swasta. :

“Perubatan penting untuk golongan kami yang sedang meninggal di suatu kawasan kediaman yang sangat sempit dan terhad..kebanyakan daripada kami mempunyai masalah kesihatan seperti sakit jantung, kencing manis dan darah tinggi...di sini kami tidak mampu untuk mendapatkan rawatan kerana kos perubatan yang sangat tinggi..selalunya saya beli panadol jika berasa kurang sihat sebab ia adalah murah”

(Responden P6 Pelarian Karen, Myanmar)

Secara keseluruhannya pelarian karen dan rohingnya di sekolah Pelarian Myanmar mendapat akses yang baik kepada perkhidmatan pendidikan yang disediakan. Anak-anak pelarian Rohingya dan Karen ini diajarkan dengan mata pelajaran asas seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik dan juga mata pelajaran Agama Islam. Walaupun sukatan pembelajaran tidak seperti di sekolah bantuan kerajaan, sekurang-kurangnya mereka didedahkan dengan pengetahuan asas pelajaran serta diharapkan mereka mampu menguasai Bahasa Melayu.

4. Tempat Tinggal

Menurut UNHCR (2018), satu pertiga daripada keluarga di kem atau sekolah pelarian adalah lemah. 63% peratus adalah ibu tunggal dengan sedikit sokongan dalam keadaan kem yang keras manakala yang lain sedang berjuang dengan masalah kesihatan dan ketidakupayaan yang serius (UNCHR, 2018). Pengkaji juga mendapati bahawa tempat tinggal yang tidak kondusif juga merupakan punca kepada pelarian Myanmar tidak dapat mencapai kesejahteraan sosial dalam hidup mereka. Ada seorang responden lelaki yang berusia 41 tahun merasakan dia hanya melewati hidupnya sebagai haiwan dan bukan manusia yang hidup sempurna dengan makan makanan yang sama setiap hari dan tidur di atas lantai yang keras. Dia tidak tahu apa untuk melakukan di sekolah pelarian kerana dia tidak mempunyai apa-apa aktiviti untuk dilakukan.

“Hmmm berapa lama saya perlu hidup sebegini.lari ke sini dan sana..tempat tinggal yang tidak tetap.sejak kecil lagi hidup saya penuh dengan kesusahan.saya tidak pernah tinggal di sebuah bilik yang bersih dan selesa.saya sering perlu berkongsi bilik dengan rakan wanita lain yang nasibnya sama seperti saya.bilik kecil tambah padat dengan pakaian..tidur di atas lantai.. saya berusia 41 tahun.susah sangat untuk tubuh saya tidur di atas lantai yang keras...”

(Responden P4, Pelarian Rohingnya.)

Berdasarkan kata-kata responden P4 tempat tinggal yang kurang kondusif menambah kesusahan seseorang pelarian yang ingin untuk mendapatkan hidup yang lebih sejahtera. Kelemahan yang paling jelas tidur di atas lantai adalah responden akan terdedah kepada habuk yang terkumpul di atas tanah. Pembersihan tetap adalah wajib untuk mencegah masalah pernafasan dan tindak balas alergi. Menghirup habuk dan zarah kotoran lain boleh meninggalkan tanda tetap pada kesihatan responden. Suhu sejuk di atas lantai boleh menyebabkan responden sakit. Berada di atas permukaan yang terlalu sejuk boleh menyebabkan lebih banyak mudarat daripada kebaikan. Pernafasan dalam cuaca sejuk akan menyebabkan kerosakan pada paru-paru mereka dan ianya akan menghehalkan aliran darah seseorang dan mungkin menyebabkan penyakit hipotermia.

Keputusan daripada hasil kajian mendapati bahawa individu yang tidak mendapat bentuk perkhidmatan yang paling asas dalam hidup menunjukkan kegagalan di dalam hubungan perseorangan mereka disebabkan ketidakupayaan yang dialami. Dalam lapisan ini,pelarian memerlukan beberapa pendekatan daripada pekerja sosial melalui bimbingan dan dorongan untuk meningkatkan maklumat berkaitan kepentingan keperluan asas seperti makanan dan minuman dalam kehidupan seseorang manusia.Keperluan fisiologi termasuklah makanan,air dan dan tempat tinggal.Tahap keselamatan sangat diperlukan untuk mencapai kesempurnaan hidup. Kekurangan interaksi perhubungan akrab akan menyebabkan depresi dan kemurungan manakala hubungan intim dan hubungan dengan komuniti membantu individu untuk melalui masa-masa sukar (Maslow 1987).

Berdasarkan Rajah 1 kesejahteraan sosial bagi pelarian Rohingya dan Karen di Sekolah Pelarian Myanmar akan tercapai sekiranya mereka mendapat peluang pekerjaan, pendidikan, perubatan serta pemeriksaan kesihatan dan tempat tinggal. Kesejahteraan sosial adalah elemen utama dalam menentukan tahap pembangunan sesebuah negara dan masyarakat. Dalam konteks ini kesejahteraan sosial ialah perkara berkaitan dengan apa yang ingin dicapai oleh komuniti pelarian Karen dan Rohingnya. Ia mempunyai hubungan dengan apa yang dirasai dan dinikmati oleh sesebuah komuniti itu. Elemen terbabit ialah aspek memenuhi keperluan hidup, peluang mobiliti sosial dan pengurusan isu dan masalah sosial.



Rumusan dan Cadangan

Rumusan kajian ini mendapati bahawa pembuat dasar dan badan pelaksana mesti mengaplikasikan ketiga-tiga perkara itu secara bersepadu supaya usaha meningkatkan kualiti hidup individu, keluarga dan masyarakat dapat berjalan lancar. Aplikasi ketiga-tiga elemen itu penting bagi mencapai matlamat kepuasan maksimum terhadap keperluan asas, mewujudkan keadaan persekitaran yang selamat dan memaksimumkan peluang mobiliti sosial. Untuk mencapainya, pelaksanaan itu mesti membuka ruang dan peluang kepada kebebasan ahli komuniti membangun potensi diri serta pembabitan secara aktif dalam aktiviti komuniti yang dapat memberi sumbangan kepada komuniti pelarian Rohingnya dan Karen.

Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan, beberapa cadangan yang difikirkan oleh pengkaji adalah bersesuaian telah dikemukakan. Cadangan ini diutarakan oleh pengkaji semata-mata untuk menambahbaik atau mengemaskini cadangan program bagi meningkatkan kesejahteraan sosial pelarian Rohingnya & Karen di Sekolah Pelarian Myanmar. Cadangan kajian membincangkan usaha-usaha atau strategi-strategi yang boleh dilaksanakan untuk menangani isu atau masalah yang dikaji.

1. Praktis Kerja Sosial

Kajian ini mencadangkan aspek praktis kerja sosial diintegrasikan ke dalam dokumen kualiti ISO secara terperinci. Langkah menyeimbangkan tuntutan keperluan klien dan organisasi hendaklah dikendalikan dengan bijak. Kajian lepas mendapati sekiranya fokus berlebihan diberikan kepada tuntutan pentadbiran dan pengurusan, maka yang menjadi mangsa ialah klien. Dalam kajian ini, didapati tidak ada peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam meningkatkan kesejahteraan sosial di Malaysia. Pegawai komuniti masyarakat JKM tidak mempunyai skop tugas dalam berkerja bersama masyarakat pelarian di Malaysia. Bagi pelaksanaan pengurusan kes yang efektif, kompetensi yang terdapat dalam Piawaian

Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial dijadikan sebagai panduan. Kemahiran dan pengetahuan dinyatakan dalam setiap proses kerja di dalam sistem ini.

Kompetensi merujuk kepada keupayaan Pekerja Sosial menggabungkan nilai, etika, pengetahuan dan kemahiran dalam memberikan perkhidmatan kepada individu, keluarga, kumpulan dan masyarakat. Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial telah disediakan sebagai penanda aras bagi mengawal praktis dan perkhidmatan yang diberikan. Ia dapat membantu Malaysia membangun dan melaksanakan sistem pengurusan kes Kerja Sosial yang berkesan dalam menangani masalah sosial. Oleh itu, salah satu komponen baru iaitu pengurusan kes kepada pelarian di Malaysia perlu diwujudkan dalam Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial. Perkara ini secara tidak langsung akan mempercepatkan proses dalam mendapatkan Akta Pekerja Sosial malah menjadikan Kerja Sosial sebagai satu bidang profesional yang dapat meningkatkan kesejahteraan kehidupan masyarakat Rohingya dan Karen. Tugas ini turut membuka peluang pekerjaan kepada pekerja sosial dalam sektor kerajaan atau swasta dalam bidang menangani isu dan cabaran pelarian di masa akan datang (Samir, 2012).

2. Dasar Pelarian

Cadangan seterusnya ialah di Malaysia, dasar pelarian adalah tanggungjawab kerajaan secara umumnya. Badan yang bertanggungjawab dalam pengurusan pelarian United Nations Higher Commission for Refugees (UNHCR), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKMM) dan badan-badan NGO perlu diwujudkan satu standard pendaftaran dan penguatkuasaan Akta dan peraturan berkaitan penyediaan perkhidmatan kepada Pelarian. Memandangkan masalah pelarian mungkin tidak selesai dalam masa terdekat, cabaran umum ialah mencari jalan bagi memenuhi keperluan pelarian dan dalam masa yang sama melindungi kepentingan tuan rumah secara keseluruhan. Pelarian dan suaka perlu diberi hak yang formal untuk bekerja. Juga penting bagi suaka dan pelarian dilindungi daripada penganiayaan dan peras ugut, terutamanya pasukan RELA hendaklah menghentikan dengan segera tugas-tugas berkaitan imigresen. Pembaharuan segera adalah perlu untuk mengecualikan pencari suaka dan pelarian daripada hukuman jenayah yang berkaitan dengan masalah migrasi, pada masa yang sama, komuniti antarabangsa boleh menyokong usaha ini dengan menyediakan pertambahan peluang penempatan semula kepada pelarian dalam Malaysia, dan dengan menawarkan bantuan kewangan kepada UNHCR untuk memudahkan keupayaan mereka untuk mendaftar, memproses dan membantu pelarian.

Menambahkan usaha untuk melindungi pelarian terutamanya terhadap wanita dan kanak-kanak dari segala bentuk keganasan termasuklah menyasarkan sumber untuk menambah akses kepada bantuan perubatan dan representasi undang-undang serta mendirikan tempat kediaman yang selamat. Satu daripada langkah yang penting dengan menyediakan status formal yang sah kepada pelarian dan pencari suaka dan mewujudkan sistem pendaftaran di mana mereka akan diberikan dokumen pengenalan. Ini boleh memastikan akses kepada kelayakan yang berkaitan dan penghormatan kepada hak asasi, termasuklah hak untuk tidak ditangkap dan ditahan secara sewenang-wenangnya, dan hendaklah diiktiraf sepenuhnya oleh pihak yang bertanggungjawab atau pihak lain yang bertindak bagi pihak mereka. Sementara itu, penguat kuasa Malaysia hendaklah bekerjasama dengan UNHCR untuk memastikan bahawa proses pendaftaran yang sedia ada menyediakan perlindungan yang diperlukan. Memberi keutamaan untuk mendapat sumber tambahan untuk pejabat mereka agar mereka boleh menambahbaikkan kapasiti mereka untuk menentukan status pelarian dengan segera berikutan dari bertambahnya angka pelarian yang didaftarkan dalam Malaysia, termasuklah untuk menambah kapasiti bagi pendaftaran dan pemprosesan rakyat bukan Myanmar.

Dasar yang lebih baik ialah dengan memindahkan pelarian di negara ini ke tempat lain supaya tidak bertumpu di satu-satu tempat sahaja. Sebahagian besar pelarian berada di Kuala Lumpur. Cara yang terbaik untuk memindahkan pelarian secara serentak adalah dengan memberikan peluang pekerjaan secara sah. Mereka boleh bekerja di sektor perladangan, pengilangan dan pembinaan. Seseorang pelarian mempunyai kemahiran yang amat baik dan begitu berguna sekali untuk majikan di Malaysia. Kawalan serta peraturan yang lebih baik terhadap keadaan pelarian dan merupakan salah satu langkah mengelakkan eksploitasi. Langkah ini perlu diambil sebagai salah satu cara untuk menjadikan pelarian lebih berdikari dari segi pekerjaan supaya mereka tidak menjadi beban di mana ini akan hanya mencetuskan masalah sosial. Pelarian telah menjejaskan Malaysia di masa lampau dan ia masih berlaku sehingga ke hari ini. Jumlah pelarian mungkin bertambah dan berkurangan tetapi lebih elok jika ada dasar dan sistem untuk menangani isu ini secara yang boleh dijangkakan dan menguruskannya dengan lebih teratur. Terdapat kira-kira 19,000 pelarian kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang berdaftar dengan UNHCR. Seramai 10,600 daripada kanak-kanak itu dalam usia bersekolah. Bagaimanapun dianggarkan kurang daripada separuh kanak-kanak pelarian yang sepatutnya menghadiri sekolah tidak mempunyai peluang untuk mendapatkan sebarang bentuk pendidikan. Jika kanak-kanak tidak diberikan pendidikan, senario ini akan merosakkan masa depan mereka dan boleh mencetuskan pelbagai masalah sosial pada masa depan (Sopian, 2016).

3. Perniagaan Sosial

Perniagaan atau perusahaan sosial adalah sebuah organisasi komersil yang mempunyai tujuan sosial tertentu untuk memberi faedah kepada kumpulan atau komuniti yang disasarkan. Perusahaan sosial berusaha untuk memaksimumkan keuntungan sambil memaksimumkan faedah kepada masyarakat dan alam sekitar. Keuntungan yang dijana daripada perniagaan sosial pada asasnya digunakan untuk membiayai program sosial. Pelarian Karen dan Rohingnya dengan bantuan daripada Sekolah Pelarian Myanmar boleh mengusahakan perniagaan sosial untuk membantu sara kos hidup mereka sendiri. Melalui perniagaan sosial pelarian Karen dan Rohingnya boleh membuat katering makanan halal kepada masyarakat di Chow Kit. Melalui perniagaan sosial, keluarga pelarian yang terpaksa melarikan diri ke Malaysia dan berada di sekolah pelarian Myanmar boleh mendapatkan peluang untuk membina semula kehidupan, mendapatkan kembali maruah, dan meningkatkan kesejahteraan sosial dalam kalangan masyarakat Rohingya dan Karen.

Penghargaan

Kajian ini telah dibiayai sepenuhnya oleh pelajar prasiswazah Program Kerja Sosial, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Yuran seminar PERSADA dibiayai oleh Dana KRA 2017:002. Ucapan penghargaan ditujukan kepada semua yang telah terlibat dalam menjayakan kajian ini.

Rujukan

- Chua Yan Piaw. (2006a). Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1, Kuala Lumpur, McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Dover & Joseph, Barbara Hunter Randall. 2008. Human needs: Overview in terry mizrahi & larry davis (eds.), *The Encyclopedia of Social Work* (20th ed., pp. 398-406). New York: Oxford University Press and National Association of Social Workers.
- Maizer. 2011. Networks and economic life. Smith-Doerr, WW Powell in the *Handbook of Economic Sociology*, 379-402.
- Maslow, A. H. 1943, a theory of human motivation. *psychological review*, 50(4), 370-396. <http://dx.doi.org/10.1037/h0054346>

- Melander, G. 1987. Refugees with no country of asylum: Strategies for third-country resettlement. In J. R. Rogge (Ed.), *Refugee: A third world dilemma*. New Jersey: Rowman & Littlefield.
- Mohamad . 2014. No evidence of antibody to human foamy virus in widespread human populations M Ali, Gp Taylor, Rj Pitman, D Parker, A Rethwilm, Aids research and human retro-viruses. 12 (15), 1473-1483.
- Monosin Sobri. 2013. Rohingya di Myanmar: Menatap Wajah di Cermin Retak. Dakwah Januari Februari (17): 84-89.
- Naser Disa. 2012. *Hak asasi dan kebebasan diri perspektif syafa' dan humanisme: Satu analisis perbandingan*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pemikiran Liberalisme & Pragmatism anjuran JAIS di INTEKMA, Shah Alam pada 28 Jun 2012.
- Norazira Ali. 2014. Cabaran-cabaran pelarian rohingya muslim: kajian kes di Pulau Pinang. Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS) 2014. ISBN 978-967-11473-1-3.
- Samir Muazzab Amin, Sarah Shakilla Mohd. Salim. 2012. Pembasmian Kemiskinan di Malaysia: Keperluan kemahiran pekerja komuniti. *Akademika* 82(1): 81-89.
- Sopian Brahim, Mohd. Suhaimi Mohamad, Ezarina Zakaria dan Norulhuda Sarnon@Kusenin. 2016. Dilema praktis kerja sosial: Pendekatan managerialis vs berfokus klien. Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2016 (INSAN 2016). Pekanbaru, Riau Indonesia pada 15-16 November 2016.
- UNHCR in Malaysia. 2018, laporan statistik pelarian di malaysia. retrieved from <http://www.unhcr.org.my/cms/basic-facts/statistics>
- United Nations High Commissioner for Refugees, UNHCR. 2005, refugee status determination: identifying who is a refugee. department of international protection: office of the united nations high commissioner for refugees.
- Walter A. 1975. Introduction to social welfare. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall, Inc.